

Pulangan hasil lawatan Dr. Mahathir lebih tinggi

UM 2 1 JUN 2002

KUALA LUMPUR 20 Jun — Pulangan yang diperoleh hasil lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke luar negara jauh lebih tinggi berbanding perbelanjaan yang dikeluarkan untuk menjayakan kunjungan-kunjungan tersebut.

Malah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Douglas Unggah Embas berkata, lawatan kerja berjaya mengangkat nama Malaysia di arena antarabangsa, selain merapatkan hubungan dua hala dengan negara yang dilawati.

Katanya, kira-kira RM8 juta telah dibelanjakan bagi menjayakan 16 lawatan Perdana Menteri dan delegasi Malaysia ke luar negara antara awal Januari dan bulan lalu manakala RM1.8 juta pula bagi 14 lawatan sepanjang tahun lepas.

“Antara tujuan lawa-

tan Perdana Menteri ke luar negara adalah bagi membincangkan isu berkaitan negara yang dilawati, isu antarabangsa, meninjau peluang pelaburan selain memenuhi jemputan khas bagi menyampaikan ucapan dalam persidangan tertentu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Datuk Dr. Hasan Mohamed Ali (Pas-Pas Buntar)** pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Iktiraf

Menurut Douglas, Dr. Mahathir menerima banyak jemputan dari negara-negara luar yang kini mengiktiraf kepimpinan beliau sebagai pemimpin dunia Islam untuk memperkatakan isu-isu antarabangsa.

Katanya, para usahawan yang turut menyertai lawatan tersebut juga memperoleh banyak peluang perniagaan melalui

usaha-usaha menarik pelabur asing meluaskan pelaburan di Malaysia.

Beliau kesal kerana rata-rata pemimpin pembangkang cuba memutarbelitkan fakta dan menyebarkan fitnah bahawa kerajaan telah membazirkan wang untuk menjayakan lawatan kerja itu sedangkan hakikatnya ia adalah untuk kemajuan negara dan kemakmuran rakyat.

Mengenai sama ada memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani semasa lawatan kerja mendatangkan hasil, katanya, satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk memantau perkembangan tindakan seumpama itu.

“Kerajaan sentiasa mengambil berat sama ada MoU ini hanya satu publisiti atau betul-betul dilaksanakan apabila delegasi Malaysia kembali ke tanah air,” katanya.